


Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Rabiulawal / Rabiulakhir 1442 — November / Disember 2020

BIL: 27 / 2020



Peranan Spiritualiti dalam Menghadapi Total Pain

Menyelesaikan Masalah
Dalam Organisasi

Isu-Isu Syariah Dalam
Pengaplikasian Produk Al-Mudharabah

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
Hasimah Binti Chik
Prof Madya Dr. Che Zarrina Sa'ari
Norlela Kamaluddin

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri ketigapuluh dua atau siri keduapuluh tujuh yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Peranan Spiritualiti dalam Menghadapi Total Pain*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan


- ⇒ Peranan Spiritualiti dalam Menghadapi Total Pain (3)
- ⇒ Menyelesaikan Masalah Dalam Organisasi (7)
- ⇒ Isu-Isu Syariah Dalam Pengaplikasian Produk Al-Mudharabah Di Perbankan Islam Di Malaysia (8)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Peranan Spiritualiti dalam Menghadapi Total Pain

Oleh : Hasimah Binti Chik
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)
: Dr. Che Zarrina Sa'ari
(Prof. Madya API Universiti Malaya)



Definisi Total Pain

Total pain merupakan satu kondisi yang menggambarkan kesakitan yang menyeluruh melibatkan semua sudut, sama ada fizikal, emosi, spiritual, psikologi dan sosial. Kondisi ini menunjukkan bahawa kesakitan yang sedang dialami tidak hanya dipengaruhi oleh kesakitan tubuh badan semata, bahkan terdapat pengaruh yang lain. Kesakitan sering mencetuskan pergelutan dalaman ataupun spiritual seseorang individu disamping memberi kesan kepada emosi, mental dan fizikal. (Constance Harris Sumner, 1998) Keadaan sakit

yang melibatkan semua aspek ini adalah disebut sebagai kesakitan yang menyeluruh (total pain). (Christina Faull & Richard Woof, 2002)

Untuk merawat kesakitan ini, para pengamal perubatan dan keluarga terutamanya mesti mengesan punca utama yang bermasalah atau sakit serta penderitaan yang dialami dari semua aspek fizikal, emosi, spiritual dan juga lingkungan sosial individu tersebut. Dalam menentukan ciri-ciri atau simptom-simptom yang sedang dialami, pengkaji perlu bezakan antara keresahan atau

kesukaran yang dihadapi tersebut adalah bersifat depresi klinikal (Villagomeza, 2005) keresahan spiritual, atau kesusahan psikososial.

Masalah kesukaran untuk bernafas atau dispnea, sering loya dan muntah juga antara kondisi yang sering berlaku (Kawa et al., 2003), tambahan dengan kurang selera makan, kekeringan mulut dan rasa kekebasan atau kesemutan pada anggota badan. (Kandasamy, Chaturvedi, & Desai, 2011) Simptom secara fisiologi ini berlaku kerana sistem tubuh terganggu apabila menghadapi terlalu banyak tekanan, mengakibatkan masalah gangguan kepada pengendalian isyarat saraf, sistem hormon dan juga sistem pertahanan tubuh. (Mohamed, 1990).

Kajian membuktikan total pain adalah berpunca daripada keadaan spiritual yang tidak dipenuhi yang boleh menyebabkan kesan kepada fizikal dan emosi. Hal yang sebaliknya juga berlaku iaitu kesakitan fizikal yang memberi punca kepada berlakunya kesakitan kepada spiritual individu. Antara jalan penyelesaian utama selain daripada usaha-usaha lain, ialah melalui meningkatkan peranan spiritual dalam diri individu tersebut.

Peranan Spiritual

Imam Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin menyatakan pengaruh jiwa (soul) sangat besar terhadap tubuh badan. Pemahaman konsep spiritual Islam dilihat penting bagi membantu meningkatkan kesedaran Islam serta penekanan kepada nilai spiritual dalam diri orang Islam sangat penting untuk membantu melahirkan

masyarakat yang sihat dari sudut jasmani dan rohaninya. (Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin, 2012) Agama sebagai satu dimensi yang dapat mengawal tekanan yang dirasai telah lama diterapkan dalam menangani masalah psikologi dan emosional ahli masyarakat.(Asmah Bee Md Noor, 2004) Nilai inilah yang cuba ingin diterapkan dalam diri individu yang mengalami total pain, di samping nilai yang tidak pernah putus asa dalam diri dan meletakkan pengharapan dan tawakal kepada Allah. Dalam Al-Quran menyatakan dalam Surah Yusuf ayat 87 yang bermaksud: "...*dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir*".

Ayat di atas menerangkan tentang sebagai muslim untuk tidak berputus harap dari rahmat Allah. Apabila seseorang ditimpa ujian, sesungguhnya Allah lah yang mendatangkan ujian tersebut dan Dia akan datangkan penyelesaiannya dari pelbagai sudut. Manusia mestilah memikirkan setiap seseuatu yang berlaku pasti ada sebab dan ianya takkan berlaku sia-sia. Manusia mestilah berusaha mencari jalan penyelesaian selain tidak putus berdoa kepada Allah agar memberi kesabaran dan jalan penyelesaian. (Sha`rawi & Hashim, 1991)

Mohamad Zafir antara tokoh sarjana Islam yang membincangkan aspek kesihatan dan menekankan kaitan serta peri penting spiritual dalam aspek penjagaan kesihatan dan kualiti kehidupan. (Al-Shahri, 2002)

Zafir menekankan kepentingan pengamalan amalan kerohanian dalam proses penyembuhan seperti membaca Al-Quran dan doa-doa tertentu. Sebagai ummat Islam, semestinya mengamalkan dan yakin dengan janji-janji dalam kitab utama seperti Al-Quran dan hadis Rasulullah. Terapi dan amalan positif yang berterusan akan membantu meningkatkan kualiti hidup kerana ianya sumber kekuatan seseorang.

Menjadi suatu kemestian seorang muslim meyakini kesakitan atau penderitaan adalah suatu takdir dan perancangan dari Allah sebagai salah satu jalan penghapus dosa-dosa dan kesalahan serta menaikkan seorang manusia itu ke darjat yang lebih mulia. Amalan yang ditekankan sepanjang menghadapi ujian kehidupan, seorang muslim mesti menjalankan tuntutan sebagai seorang hamba dalam rukun Islam(Komaruddin Hidayat, 2015) sehabis boleh.

Pada saat ini, Islam mengajar umatnya untuk mengamalkan cara hidup Islam sesama masyarakat seperti memenuhi hak-hak seorang muslim.(Al-Qari, 2002) Berdasarkan hadis Rasulullah, "Hak sesama muslim adalah menjawab dan memberi salam, mengucap balas apabila seseorang itu bersin dan mengucapkan 'alhamdulillah', memberi nasihat apabila diminta, menziarahi ketika sakit, menguruskan jenazah apabila berlaku kematian". Setiap perkara yang dianjurkan untuk dilaksanakan dalam hadis ini sangat besar manfaatnya sesama muslim. Contohnya kebaikan menziarahi sangat besar hikmahnya,

kerana ketika menziarah, tetamu saling mendoakan, saling membantu dan memberi sokongan moral kepada manusia.

Ciri-ciri Kesejahteraan Spiritual (spiritual well-being)

Kesejahteraan spiritual merupakan kondisi yang mudah untuk dikenalpasti berdasarkan keadaan fizikal dan emosi seseorang individu tersebut. Antara perkara yang menunjukkan seseorang itu dalam keadaan yang baik, positif dan dapat menerima dengan baik situasi yang susah seperti kesakitan, boleh dilihat dari aspek tindakan, pemikiran , perasaan yang dizahirkan oleh dan juga keadaan fisiologi pesakit itu sendiri sama ada bertambah baik atau semakin kritikal. (Sumari, Ahmad Tharbe, Md Khalid, & Mohamad, 2014) Keadaan spiritual yang baik adalah keadaan individu yang tidak mengalami simptom kemurungan sama ada pada fizikal, spiritual, emosi dan juga sosial. Kesakitan yang dialami secara fizikal dapat dihadapi dengan tenang, dan tidak ditambah dengan gejala kemurungan seperti masalah tidur, tiada selera makan dan lain-lain.

Seseorang individu merasakan kehidupannya produktif dan bermakna. Mereka mempunyai tujuan dan matlamat untuk kehidupan, atau kata lain seseorang itu mempunyai alasan untuk teruskan kehidupan dan lebih kuat menghadapi dugaan dan ujian yang sedang ditempuh. Mereka juga boleh mencari keselesaan dan keharmonian diri sendiri melalui pelbagai cara yang diingini, di samping mereka yakin keadaan spiritual mereka baik dan stabil. Mereka menzahirkan

harapan dan ada motivasi untuk bertahan demi keluarga.

Dari segi aspek kepercayaan, mereka rasa selesa dengan keyakinan dan kepercayaan yang ada dalam diri. Mereka juga rasakan kekuatan daripada kepercayaan spiritual mereka. Mereka juga menyatakan keyakinan dan kepercayaan mereka lebih utuh dan kuat terhadap Tuhan selepas didatangi ujian. Mereka semakin mendekatkan diri kepada Tuhan dan kepercayaan serta kecintaan yang semakin meningkat terhadap Tuhan. Setiap amalan yang dilakukan dengan keyakinan bahawa apa yang dilakukan itu adalah penghubung untuk lebih dekat dengan Pencipta.



Selain itu, elemen sosial juga adalah alat pengukur bagi keadaan spiritual yang baik. Seseorang itu mahu meluangkan masa untuk pergi bercuti dan menikmati alam. Mereka juga boleh bertoleransi dengan orang dari pelbagai aspek sama ada idea atau aspek perbezaan kepercayaan. Mereka juga menyatakan kasih sayang dan memaafkan orang lain. Mereka sedia dan terbuka untuk menerima dan menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan di

samping saling berkongsi cerita dan apa-apa keperluan. Dari segi pergaulan dengan masyarakat melibatkan aktiviti keagamaan, Mereka juga tidak terlepas dan sedia menyertai selagi berdaya. (Kandasamy et al., 2011)

Kesimpulan

Kesimpulannya, penilaian untuk menentukan spiritual seseorang itu dalam keadaan baik ialah dari banyak sudut iaitu fizikal, emosi, keagamaan dan sosial. Hal ini sangat berkait dengan terma "total pain" yang telah dibincang. "Total pain" berlaku apabila mengalami keresahan spiritual, manakala keadaan yang sebaliknya berlaku apabila keadaan spiritual baik, "total pain" tidak lagi akan terjadi, bahkan simptom-simptom yang menunjukkan "total pain" tidak ada.

Sokongan orang terdekat seperti ahli keluarga dan rakan-rakan sangat penting, antaranya dengan cara mengeratkan ikatan kekeluargaan, kerap melakukan aktiviti bersama seperti rutin harian dan juga amalan pengibadahan. Perkara ini sangat penting bagi mengelakkan individu tersebut merasa sendirian. (Paiva, Carvalho, Lucchetti, Barroso, & Paiva, 2015) Dengan cara ini juga akan membantu menaikkan semangat mereka dalam menjalankan sesuatu aktiviti. Rawatan secara spiritual atau rohani terbukti mampu membantu penyembuhan secara keseluruhan.

Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Menyelesaikan Masalah dalam Organisasi



- Organisasi merupakan tempat orang berkumpul dan bekerjasama secara rasional dalam memanfaatkan sumber daya.
- Ketua organisasi perlu menitikberatkan semua idea yang datang daripada semua pihak yang bekerja di bawahnya bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Jenis-jenis Permasalahan Dalam Organisasi



Adlina Nadhirah binti Sofian
Liana Adwiena binti Azmi
Muhammad Al-amin bin Fauzi
Nur Adila binti Idris
Siti Nursofea binti Raflis
(CS241, UiTM Kampus Seremban 3)
Norlela Kamaluddin (ACIS, UiTM Kampus Seremban 3)

Kemahiran menyelesaikan masalah adalah sesuatu keadaan yang memerlukan penggunaan mental untuk mencari jalan penyelesaian bagi suatu rintangan yang dihadapi.

Faktor Permasalahan Dalam Organisasi

- 1. Hubungan di antara rakan sepasukan.
- 2. Tiada keyakinan diri dalam menyatakan sesuatu pendapat.
- 3. Kurangnya 'soft skills' yang diaplikasikan dalam kehidupan.
- 4. Perbezaan pendapat dan pangkat kedudukan.

Langkah Menyelesaikan Masalah Dalam Organisasi

1. Mengenal pasti masalah
2. Menentukan punca utama terjadinya masalah
3. Menghasilkan solusi yang terbaik
4. Memilih solusi dan membuat tindakan terhadap solusi
5. Menilai keberkesanan tindakan yang dibuat

Halangan Dalam Menyelesaikan Masalah

- 1. Komunikasi antara Pekerja dan Pihak Pengurusan
- 2. Amalan Bekerja Mengikut Seksyen
- 3. Sumber Kewangan Organisasi
- 4. Jurang ICT dan Digital
- 5. Percanggahan Matlamat di antara Pihak Pengurusan

Allah tidak akan membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya
Surah Al-Baqarah | Ayat 286

Isu-Isu Syariah Dalam Pengaplikasian Produk Al-Mudharabah Di Perbankan Islam Di Malaysia

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Pengenalan

Dalam sistem kewangan Islam, pasaran modal Islam merupakan salah satu komponen atau elemen penting daripada keseluruhan pasaran di Malaysia. Di samping itu, pasaran modal Islam juga memainkan peranan yang penting dalam memberi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi negara ini melalui instrumen-instrumen kewangan ditawarkan kepada para pelabur. Oleh itu, salah satu daripada produk-produk kewangan dan perbankan Islam yang meliputi pelbagai sektor dikenali sebagai produk berstruktur Islam (Md Nurdin 2009).

Sejak akhir-akhir ini, kebanyakan bank telah menawarkan pelbagai pelaburan produk berstruktur Islam di Malaysia yang mematuhi prinsip-prinsip Islam seperti terbitan produk "Islamic Equity-Linked Structured Investment-i" oleh pihak bank HCBC Amanah Berhad. Keadaan ini disebabkan oleh produk berstruktur Islam dapat menarik para pelabur dengan bermacam-macam faedahnya tersendiri iaitu menawarkan perlindungan modal, risiko keuntungan terkawal dan menghasilkan keuntungan yang tinggi seperti yang dinyatakan oleh Engku Rabiah Adawiah (2007) dan Aznan (2007).

Walau bagaimanapun, kemunculan produk berstruktur Islam telah menimbulkan permasalahan dalam kalangan para ilmuwan Islam. Permasalahan yang dimaksudkan itu bagi pandangan Mohd Daud (2006) dan ISRA (2015) ialah produk berstruktur Islam dikatakan hanya sekadar meniru elemen-elemen daripada produk berstruktur konvensional yang mempunyai persamaan dari segi ciri-ciri, objektif dan manfaat ekonomi. Dalam erti kata lain, Mahlknecht (2010) menjelaskan lagi proses pengadaptasi elemen-elemen produk berstruktur Islam daripada produk berstuktur konvensional dianggap sebagai proses mengislamkan elemen-elemen produk konvensional tersebut.

Umumnya, isu-isu syariah yang terlibat dalam produk berstruktur Islam di perbankan Islam di Malaysia ialah berhubungan dengan prinsip-prinsip syariah terutamanya prinsip muḍārabah. Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas oleh Hailani dan Sanep (2009), Aznan (2007) dan Zaharuddin dan Aznan (2011) mengenai isu-isu syariah dalam produk berstruktur Islam berkaitan prinsip muḍārabah, terdapat tiga isu yang telah diketahui iaitu isu nisbah perkongsian pulangan, isu jaminan modal dan untung dan juga isu pembatalan kontrak ini.

Sebelum berbincang mengenai isu-isu syariah berkaitan prinsip muḍārabah ini, eloklah bagi kita mengetahui prinsip ini secara ringkas termasuk elemen-elemen penting yang terdapat dalam prinsip ini. Secara umumnya, prinsip muḍārabah ini bagi pendapat madhhab Hanafi (al-Barnī 1990), madhhab Hanbali (Ibn Duyan t.th.) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2007 serta Bank Negara 2015 memberi maksud sesuatu kontrak di mana pelabur sebagai rabbul māl menyerahkan modal yang diketahui kadar

nya kepada pihak bank sebagai muḍārib untuk menguruskan modal itu bagi memperoleh perkongsian keuntungan berasaskan kepada persetujuan bersama di antara mereka. Menurut pendapat madhhab Hanafi (al-Samarqandī 1984), madhhab Maliki (Ibn al-Hājib 1998), madhhab Shafī'i (al-Sharbīnī 2004), madhhab Hanbali (al-Fauzān 2002), al-Zuhaili 2007, Bank Negara 2015 dan Ab. Mumin 1999, prinsip ini terbahagi kepada dua jenis iaitu prinsip muḍārabah muṭlaqah (muḍārabah bebas) dan pinsip muḍārabah muqayyadah (muḍārabah terhad). Maka, prinsip muḍārabah muṭlaqah ialah sesuatu kontrak di mana rabbul māl menyerahkan modalnya untuk diuruskan oleh muḍārib tanpa batasan harga, masa dan tempat. Manakala, prinsip muḍārabah bermakna sesuatu kontrak di mana rabbul māl memberikan modalnya untuk diuruskan oleh muḍārib dengan batasan masa, harga dan tempat tertentu.

Selain itu, elemen-elemen penting dalam prinsip muḍārabah ini ialah pihak berakad, sīghah ījab dan qabūl, modal, keuntungan, kerugian, jaminan modal atau keuntungan dan pembatalan. Oleh yang demikian, jika perlaksanaan kontrak muḍārabah ini didapati tidak memenuhi kesemua elemen-elemen penting ini, maka kontrak ini secara automatik akan menjadi terbatal atau tidak sah untuk dilakukan di antara muḍārib dan rabbul māl dalam sesuatu urusan perniagaan khususnya berkaitan produk berstruktur Islam ini seperti yang dibincangkan oleh madhhab Hanafi (al-Qudūrī 1997), madhhab Maliki (al-Majjājī 2010), Imam Shafī'i t.th. & madhhab Shafī'i (al-Qazwīnī 2005), madhhab Hanbali (Ibn Quddāmah 1979), al-Zuhaili 2007, ISRA 2015, IBFIM 2015 dan al-Khafif 2008). Perkara ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya elemen-elemen kontrak muḍārabah ini di-

periksa terlebih dahulu sebelum diaplikasikan dalam produk berstruktur Islam ini di perbankan Islam supaya dapat menjalankan urusan perniagaan dengan lancar yang mana kontrak ini telah menjadi sah di sisi syarak.

Walau bagaimanapun, pelbagai isu syariah telah dibangkitkan oleh para ilmuwan Islam dan agensi-agensi perbadanan mengenai prinsip muḍārabah yang digunakan dalam pengaplikasian produk berstruktur Islam seperti isu nisbah perkongsian keuntungan muḍārabah, isu jaminan modal dan untung dan isu pembatalan kontrak adalah sebagaimana berikut:

Isu pertama: Nisbah perkongsian keuntungan muḍārabah

Madhab Hanafi (Ibn Ḥabīb 2003), madhab Maliki (al-Baghdādī t.th.), Imam Shafī'i (t.th.) & madhab Shafī'i (al-Fīnī t.th.), madhab Hanbali (al-Fauzān 2002), al-Zuhaili 2007, Bank Negara 2015 dan Dusuki 2011 menerangkan bahawa nisbah perkongsian keuntungan merupakan salah satu elemen daripada elemen-elemen penting dalam kontrak muḍārabah. Ketika pihak berkontrak melaksanakan kontrak muḍārabah ini, nisbah perkongsian keuntungan mestilah diberitahu dan diketahui jumlahnya seperti separuh atau 1/3 atau seumpamanya di antara rabbul māl dan muḍārib mengikut apa yang telah disersetujui oleh mereka. Lebih-lebih lagi, madhab Shafī'i (al-Husainī 2008) menambahkan lagi tentang nisbah keuntungan ini hendaklah dikongsi di antara rabbul māl dan muḍārib tanpa membahagikan kesemua nisbah keuntungan kepada salah satu pihak kerana keadaan ini akan merosakkan kandungan kontrak muḍārabah ini.

Dalam penstrukturuan muḍārabah, pihak bank berhak mengambil bahagian nisbah

keuntungannya daripada keseluruhan pulangan itu yang telah dihasilkan selepas sampai tempoh matang bagi usaha-usaha yang dijalankan. Nisbah perkongsian keuntungan yang ditentukan akan berubah mengikut prestasi urus niaga pelaburan produk berstruktur Islam itu sama ada berprestasi baik atau buruk (Bank Negara 2015; Aznan 2007). Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat pendedahan risiko kepada nisbah keuntungan bagi pihak bank atau institusi bank di mana apabila urus niaga pelaburan itu berprestasi baik atau menjana keuntungan, maka nisbah keuntungan menjadi lebih tinggi jumlahnya. Sebaliknya, jika pelaburan itu menghasilkan kerugian atau berprestasi buruk, maka pihak bank tidak akan mendapat apa-apa daripada nisbah keuntungan ini atas usaha-usaha yang telah dilakukan mengikut penjelasan Aznan (2007) dan ISRA (2015).

Namun begitu, Bank Negara 2015 dan Mohamed Fairooz et. al. 2013 menekankan bahawa kerugian dalam pelaburan itu dapat ditutup dengan bahagian keuntungan pelabur yang seterusnya dan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur semasa urus niaga pelaburan itu berada dalam keadaan kurang baik. Tambahan lagi, nisbah perkongsian keuntungan yang tersembunyi mestilah dinyatakan dengan jelas dan benar dalam kontrak muḍārabah ini sekiranya ada bagi mengelakkan daripada wujudnya unsur gharar yang dilarang oleh syarak (Ul-Rahman 1994 & Dusuki 2011). Oleh yang demikian, apabila pihak bank ingin menentukan nisbah perkongsian keuntungan semasa melakukan kontrak muḍārabah dalam pelaburan produk berstruktur Islam di perbankan Islam, maka pihak bank perlulah memberitahu dan menyatakan nisbah keuntungan tambahan atau tersembunyi dengan teliti dan jelas supaya bebas daripada unsur gharar yang ditegah oleh Islam dan diyakini oleh para pelabur khususnya beragama Islam.

Isu kedua: Jaminan modal dan untung

Maksud jaminan atau ḥāmān atau kafālah pada pandangan para fuqaha' iaitu madhhab Hanafi (al-Midānī t.th.), madhhab Maliki (al-Majjājī 2010), madhhab Shafī'i (al-Shīrāzī 1996) dan madhhab Hanbali (al-Fauzān 2004) serta badan organisasi seperti IBFIM (2015) dan Zaharuddin dan Aznan (2011) ialah menunaikan tanggungjawab penjamin kepada tanggungjawab seseorang yang dijamin dengan benar dalam pelbagai tuntutan sama ada berkaitan dengan tuntutan diri atau harta atau hak. Di Malaysia, kebanyakan institusi perbankan Islam telah menggunakan pelbagai langkah untuk mendapatkan reputasi tinggi dalam urusan pelaburan merangkumi pemberian jaminan atau perlindungan modal kepada pelabur.

Maka, keadaan ini membawa kepada kemunculan isu ini di antara para fuqaha' dan cendekiawan Islam dengan pelbagai hujah mereka masing-masing. Antaranya ialah pandangan pertama iaitu semua fuqaha' dalam kalangan madhhab Hanafi (al-Samarqandī 1984), madhhab Maliki (al-Qartabī 1978), Imam Shafī'i (t.th.) dan madhhab Shafī'i (al-Damīrī 2004), madhhab Hanbali (Ibn Quddāmah 1979) serta al-Zuhailī (2007) termasuk agensi-agensi perbadanan seperti ISRA (2015), Bank Negara (2015), Zaharuddin dan Aznan (2011) dan Mohamed Fairooz et. al. (2013) telah bersepakat bahawa jaminan modal atau untung yang dilakukan oleh institusi perbankan Islam sebagai muḍārib kepada pelabur sebagai rabbul māl adalah tidak diharuskan mengikut syarak. Hal ini berdasarkan kepada ringkasan hujah-hujah mereka iaitu syarat jaminan modal atau untung akan bertentangan dan merosakkan ciri-ciri asas kontrak mudārabah kecuali dalam kes kecuaian dan pengabaian serta perlanggaran syarat-syarat khusus kontrak seperti melaksanakan urusan pelaburan ini tanpa kebenaran pelabur.

Selain itu, hujah kedua ialah kontrak muḍārabah dianggap sebagai sebahagian kontrak amanah yang mana kontrak amanah tidak mempunyai keuntungan. Jadi, pihak bank tidak boleh dipaksa untuk menjamin ganti rugi terhadap perkara yang berada di luar jangkaannya berkaitan harta dalam kontrak ini. Hujah ketiga ialah jaminan modal atau untung akan membawa kepada unsur gharar berlebihan. Keadaan ini berlaku jika prestasi pelaburan itu mengalami kerugian akan mengakibatkan timbulnya unsur gharar berlebihan ini di mana pihak bank terpaksa menghadapi dua bentuk kerugian iaitu kerugian masa dan usaha yang dilakukan dan juga kerugian modal dalam urusan pelaburan itu.

Sedangkan, pandangan kedua ialah beberapa ilmuwan Islam kontemporari (al-Shawkānī 2004; Hammād 2001; Zaharuddin & Aznan 2011) berpendapat bahawa jaminan modal atau untung adalah diharuskan mengikut syariah. Perkara ini berasaskan kepada ringkasan hujah-hujah bagi golongan ini iaitu pihak bank mempunyai kemampuan untuk memberi jaminan modal atau untung disebabkan mereka sendiri menjadi sukarela untuk menjamin modal atau untung tersebut dalam sesuatu pelaburan tanpa dipaksa oleh mananya pihak. Hujah kedua pula ialah pihak bank bersetuju untuk menjamin modal atau untung pelabur kerana persetujuan bersama merupakan satu benda asas untuk menjadikan harta seseorang secara halal dan sah terhadap orang lain.

Umumnya, jumhur fuqaha' berpandangan syarat jaminan modal dan keuntungan dalam urusan perniagaan adalah sesuatu perkara yang tidak harus mengikut perundangan Islam. Syarat jaminan ini hanya dikecualikan jika berlaku pengabaian, perlanggaran syarat-syarat khusus dan kecuaian dilakukan oleh pihak bank kepada pelaburnya. Oleh itu, pendapat jumhur fuqaha' ini telah diaplikasikan oleh kebanyakan badan-badan organisasi di Malaysia terutamanya Bank

Negara yang mana menjadi pusat umum bagi kesemua institusi dan penyelidikan perbankan dan kewangan Islam di negara ini.

Isu ketiga: Pembatalan kontrak

Kebiasaannya, pembatalan kontrak mudārabah dilaksanakan apabila mencapai tempoh matang kontrak ini. Akan tetapi, terdapat isu mengenai cara pembatalan kontrak ini dalam kalangan para fuqaha' sama ada kontrak ini mesti dibatalkan oleh kedua-dua belah pihak yang dianggap sebagai mengikat kedua-dua pihak atau salah satu pihak boleh membatkalkannya dikenali sebagai tidak mengikat kedua-duanya. Terdapat dua pandangan dalam isu ini iaitu pendapat pertama ialah minoriti fuqaha' terdiri daripada madhab Maliki (al-Qarṭabī 1978), dan agensi perbadanan seperti Bank Negara 2015 berpandangan bahawa kontrak mudārabah hendaklah dibatalkan oleh kedua-dua pihak yang bersifat mengikat kedua-dua pihak. Dalam erti kata lain, salah satu pihak sama ada rabbul māl atau muḍārib tidak boleh membatalkan atau menamatkan kontrak ini melainkan kedua-dua pihak bersetuju bersama untuk membatalan kontrak ini. Oleh yang demikian, sekiranya salah satu pihak meninggal dunia, maka kontrak ini dapat diteruskan oleh pewaris masing-masing sebelum mencapai tempoh matangnya.

Berbanding, pendapat kedua iaitu majoriti fuqaha' (madhab Hanafi (al-Mīdānī t.th.); madhab Shafī'i (al-Damūrī 2004); madhab Hanbali (Ibn Quddāmah 1979); al-Zuhaili 2007) dan badan-badan organisasi (ISRA 2015; Bank Negara 2015) serta pakar ilmuwan Islam (Dusuki 2011; Ab. Mumin 1999) memberi pandangan bahawa kontrak mudārabah hendaklah dibatalkan oleh salah satu pihak yang bersifat tidak mengikat kedua-dua pihak dengan memberikan notis pembatalan kontrak kepada pihak lain. Keadaan ini bermakna salah satu pihak sama ada rabbul māl atau muḍārib mempunyai hak masing-masing untuk membatalan kontrak tersebut dalam urusan pelaburan ini. Justeru, jika salah satu pihak meninggal dunia, maka kontrak ini terbatal dan

tidak boleh diwarisi oleh pewaris masing-masing.

Secara umumnya, majoriti fuqaha' berpendapat salah satu pihak sama ada rabbul māl atau muḍārib dibolehkan untuk membatalkan kontrak mudārabah ini. Hal ini berlaku apabila kedua-dua pihak tidak terikat dengan kontrak ini, maka setiap pihak mempunyai hak masing-masing untuk membubarkan kontrak melalui pemberian kenyataan pembatalan kontrak kepada pihak lain dengan alasan yang munasabah dan logik dalam sesuatu pelaburan produk ini. Maka, pembatalan kontrak melalui notis oleh satu pihak kepada pihak lain merupakan unsur penting yang perlu dilakukan dengan kadar segera sebelum sampai tempoh matang kontrak ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, produk berstruktur Islam ialah cara alternatif kepada produk berstruktur konvensional dengan syarat penstrukturran produk ini mestilah selari dengan ciri-ciri patuh syariah yang ditetapkan. Kemunculan isu-isu syariah mengenai prinsip mudārabah disebabkan oleh pertikaian dan perselisihan berlaku dalam kalangan ilmuwan Islam. Maka, antara isu-isu syariah berkaitan prinsip mudārabah yang menjadi perselisihan ialah isu nisbah perkongsian keuntungan, isu jaminan modal dan untung dan isu pembatalan kontrak. Hal ini demikian kerana wujudnya perbezaan kefahaman para ilmuwan Islam terhadap nas-nas syarak, realiti sebenar dan keperluannya dari segi ekonomi Islam semasa. Oleh itu, pihak bank hendaklah memastikan keluaran produk berstruktur Islamnya di perbankan Islam benar-benar mengikut prinsip Islam yang telah ditetapkan. Perkara ini dilakukan supaya dapat mengelakkan daripada terbabit dengan isu-isu syariah yang diutarakan oleh pelbagai pihak di Malaysia serta mendapat kepercayaan yang tinggi daripada para pelabur Muslim sekaligus menaikkan mutu prestasi perbankan Islam di peringkat antarabangsa.